

**MINIT MESYUARAT JK INDUK KOKURIKULUM
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN KOSAS
BIL 2/2021**

Tarikh : **23 Ogos 2021**
Masa : **2.30 petang**
Tempat : **Kediaman masing-masing (Google Meet)**

Kehadiran :

1.	Cik Alydza binti Ramlan	PK Kokurikulum
2.	Pn Ulhusna binti Che Nong	S/U Kokurikulum
3.	En Mohd Tarmizi bin Azeman	Penolong S/U Sukan
4.	Pn Sarina binti Mohd Nor	Penolong S/U Kokurikulum
5.	Pn Zarila binti Sudi	Penyelaras Unit Beruniform
6.	Pn Norhaliza binti Mohamad	Penyelaras Persatuan
7.	Pn Ummu Hani binti Mohd Razi	Penyelaras Sukan Permainan
8.	Pn Medinatul Zahrah binti Mohamad Hadzi	Penyelaras Persatuan
9.	Pn Ruhaida binti Rumidi	Penyelaras Kelab
10.	Pn Alyaa Nadiyah binti Mohamed	Penyelaras Sukan Permainan
11.	Pn Ruhaida binti Yahya	Penyelaras Koperasi

Turut Hadir Bersama:

1.	En Ahmad Amzan bin Ishak	PK Petang
2.	Pn Hafzeela binti Abd.Hamid	Guru Penasihat Ping Pong
3.	Pn Marliana binti Idress	Guru Penasihat Bola Keranjang
4.	Pn Tuan Alinda binti Tuan Yaacob	Guru Penasihat Bola Tampar
5.	En Ahmad Rushdi bin Omar	Guru Penasihat Sepak Takraw
6.	En Nik Mohd Syamil bin Nik Rasdin	Guru Penasihat Bola Sepak
7.	En Letchumanan a/l Kandasamy	Guru Penasihat Bandminton
8.	Pn Nursyazwani binti Shaffie	Guru Penasihat Bola Jaring
9.	En. Mohd Saifulah bin Mahd Yusoff	Guru Penasihat Ragbi
10.	En Muhammad Tarmezie bin Mat Hussin	Guru Penasihat Bola Baling
11.	En Muhammad Shahrizal bin Ab Sharif	Guru Penasihat Olahraga

Tidak Hadir Bersebab :

1.	Rohani binti Rosli	Penyelaras Kelab
2.	Siti Royhanah binti Khalid	Penyelaras Unit Beruniform
3.	Pn Maisarah binti Rafi'i	Penyelaras Majalah Sekolah

Urus Setia Mesyuarat:

Pn Ulhusna binti Che Nong	S/U Kokurikulum
Pn Sarina binti Mohd Nor	Penolong S/U Kokurikulum

AGENDA

1. UCAPAN ALU-ALUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan doa. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran guru dan mengucapkan terima kasih kerana hadir ke Mesyuarat JK Induk Kokurikulum bilangan 2 bagi tahun 2021.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 1/2021

Pn. Norhaliza binti Mohamad mencadangkan Minit Mesyuarat JK Induk Kokurikulum Bil 1/2021 disahkan dan disokong sebulat suara oleh semua guru.

3. PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pengerusi mengingatkan semua setiausaha dan penyelaras unit untuk menghantar Pelan Strategik Organisasi (PSO) bagi unit masing-masing kepada PK Kokurikulum.

Tindakan: semua setiausaha dan penyelaras unit

3.2 Pengerusi memaklumkan bahawa Setiausaha Sukan iaitu Cik Noor Haizan telah berpindah ke Melaka. Justeru itu, semua tugas setiausaha sukan akan diambil alih oleh En Mohd Tarmizi bin Azeman dan dibantu oleh semua guru.

Tindakan: semua setiausaha dan penyelaras unit

3.3 Pengerusi memaklumkan bahawa Bilik Aspirasi Juara masih dalam proses pengubahsuaian. Beliau berharap semua JK dapat memberi kerjasama bagi melancarkan proses kerja pengubahsuaian bilik tersebut.

Makluman : semua setiausaha dan penyelaras unit

4. PERKARA BAHARU

4.1 Pertandingan Kemahiran Sukan MSSDHL Tahun 2021

4.1.1 Pengerusi memaklumkan mengenai Pertandingan Kemahiran Sukan MSSDHL yang dijalankan pada 22 Ogos - 4 September 2021. Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kemahiran asas sukan dan permainan murid-murid.

Makluman : semua ajk dan guru penasihat sukan permainan

4.1.2 Pengerusi membentangkan Carta Gantt Pertandingan Kemahiran Sukan tersebut. Pengerusi berharap semua guru penasihat sukan permainan dapat merujuk Carta Gantt tersebut. Semua guru penasihat diminta

mengadakan sesi latihan bersama murid secara dalam talian. (Rujuk Carta Gantt Pertandingan Kemahiran Sukan MSSDHL tahun 2021)

Tindakan: semua guru penasihat sukan permainan

- 4.1.3 Guru penasihat yang memerlukan peralatan untuk pertandingan tersebut boleh maklumkan kepada PK Kokurikulum bagi tujuan pinjaman peralatan sukan dan permainan. Guru penasihat perlu merekod semua peralatan yang dipinjam dan memastikan peralatan dalam keadaan baik semasa dipulangkan.

Tindakan: semua guru penasihat sukan permainan

- 4.1.4 En Letchumanan memaklumkan bahawa beliau telah menghadiri sesi taklimat Pertandingan Kemahiran Sukan MSSDHL bagi permainan badminton bersama PPD. Beliau akan mengadakan taklimat bersama murid yang terlibat pada petang ini dan berharap pertandingan ini mendapat sambutan daripada murid.

Makluman: semua ajk dan guru penasihat sukan permainan

- 4.1.5 En Mohd Tarmizi memaklumkan bahawa terdapat beberapa kekangan bagi Kemahiran Sukan MSSDHL Merentas Desa. Ini disebabkan Kemahiran Sukan Merentas Desa hanya terbuka kepada murid tingkatan 5 sahaja. Selain itu, murid perlu menjalankan sesi latihan di luar rumah atau kawasan kejiranan. Walau bagaimanapun, En Mohd Tarmizi akan cuba juga mencari peserta untuk acara ini.

Tindakan : En Mohd Tarmizi bin Azeman

- 4.1.6 Pn Hafzeela memaklumkan tiada penyertaan untuk permainan Ping Pong setakat ini. Walaubagaimana pun Pn Hafzeela akan cuba untuk mencari peserta untuk permainan Ping Pong.

Tindakan : Hafzeela binti Abd.Hamid

- 4.1.7 Pn Nursyazwani memaklumkan sesi latihan untuk Kemahiran Sukan Bola Jaring sedang dijalankan. Peserta akan menghantar rakaman video dalam masa terdekat.

Tindakan : Pn Nursyazwani binti Shaffie

- 4.1.8 En Mohd Saifulah memaklumkan peserta bagi Kemahiran Sukan Ragbi telah menghantar rakaman video. Beliau akan meneliti rakaman tersebut dan membaikinya untuk penambahbaikan.

Tindakan : En Mohd Saifulah bin Mahd Yusoff

- 4.1.9 En Muhammad Tarmezie memaklumkan peserta bagi Kemahiran Sukan Bola Baling sedang dalam proses latihan dan rakaman video untuk semakan dan bimbingan.

Tindakan : En Muhammad Tarmezie bin Mat Hussin

4.1.10 Pn Ummu Hani memaklumkan penyertaan agak kurang memberangsangkan bagi Kemahiran Sukan Hoki. Walaubagaimana pun, En Farid sedang berusaha untuk mencari peserta bagi hoki.

Tindakan : En Mohamad Farid bin Isa

4.1.11 Pn Tuan Azlina memaklumkan bahawa peserta bagi Kemahiran Sukan Bola Tampar telah ada. Sesi latihan akan diadakan mengikut jadual yang disediakan.

Tindakan : Pn Tuan Azlinda binti Tuan Yaacob

4.1.12 En Muhammad Shahrizal memaklumkan bahawa peserta bagi Kemahiran Sukan Olahraga telah ada, cuma penyertaan bagi murid tingkatan 4 dan 5 masih tiada.

Tindakan : En Muhammad Shahrizal bin Ab Sharif

4.1.13 Pn Marlina memaklumkan bahawa beliau telah mewar-warkan Pertandingan Kemahiran Sukan Bola Keranjang kepada semua ahli bola keranjang, tetapi masih belum mendapat maklum balas dari murid. Namun begitu, beliau masih berusaha untuk mencari peserta.

Tindakan : Pn Marlina binti Idress

4.1.14 En Nik Mohd Syamil memaklumkan bahawa peserta bagi beberapa kategori Kemahiran Sukan Bola Sepak telah ada. Beliau hanya perlu mencari peserta bagi beberapa kategori. En Nik Mohd Syamil akan mengadakan sesi taklimat dan latihan secara dalam talian dengan peserta pada 24 Ogos 2021.

Tindakan : En Nik Mohd Syamil bin Nik Rasdin

4.2 Bulan Sukan Negara

4.2.1 Pengerusi memaklumkan Unit Sukan akan mengadakan Bulan Sukan Negara pada bulan Oktober 2021. Antara cadangan aktiviti yang dijalankan adalah Senamrobik secara dalam talian serta Pertandingan Video Kreatif : Gaya Hidup Sihat.

Makluman : semua ajk dan guru penasihat sukan permainan

4.3 Program Kecergasan 1Murid 1Sukan Peringkat Daerah Hulu Langat

4.3.1 Pengerusi memaklumkan tentang Program Kecerdasan 1Murid 1Sukan Peringkat Daerah Hulu Langat yang terbaru iaitu :

- i. *My Walk My Ride* (Peringkat Negeri).
- ii. *Free Style Skill Ball*
- iii. *Fit Workout*

Makluman : semua ajk dan guru penasihat sukan permainan

- 4.3.2 Penyalaras bagi program *My Walk My Ride* adalah En Mohamad Farid, penyalaras bagi Program *Free Style Skill Ball* adalah En Nik Muhammad Firdaus manakala penyalaras bagi Program *Fit Workout* adalah En Muhammad Nabil. Pengerusi berharap semua ajk dapat membantu penyalaras bagi mempromosikan program-program ini kepada murid.

Tindakan: penyalaras program

4.4 Hari Anugerah Kokurikulum Tahun 2021

- 4.4.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Unit Kokurikulum akan mengadakan Hari Anugerah Kokurikulum pada hujung bulan Oktober ini. Antara senarai penerima Anugerah Kokurikulum bagi tahun 2021 adalah Muhammad Amir dari kelas 5 Gamma, Abang Muhammad Adam dari kelas 5 Beta kohort 2020 dan Muhammad Haffiez dari kelas 5 Alfa juga kohort 2020.

Makluman : semua ajk dan guru penasihat sukan permainan

5. HAL-HAL LAIN

- 5.1 Pn Zarila, Penyalaras Unit Beruniform memaklumkan bahawa beliau masih belum menerima Jadual 2 bagi Pelan Strategik Organisasi daripada guru penasihat Unit Beruniform. Justeru itu, Pn Ulhusna akan membantu penyalaras untuk menyediakan template Jadual 2 bagi membantu guru penasihat untuk menyediakan senarai aktiviti bagi setiap unit.

Tindakan : Pn Ulhusna dan semua penyalaras unit

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kesetiaan guru-guru menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kokurikulum kali 2/2021. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang.

Disediakan oleh

Pn. Ulhusna binti Che Nong

Urus Setia Mesyuarat JK Induk Kokurikulum

Bertarikh: 04 September 2021